

Subject : 24 konsesi lebuhraya beri diskaun

Date : 1 Februari 2011

Publication : Berita Harian

Page : 30

Section : Nasional

24 konsesi lebuhraya beri diskaun

Pengguna dapat nikmati kadar istimewa pada 3 dan 4 Februari sempena Tahun Baru Cina

Oleh Mohd Anwar
Patho Rohman
wahwanwar@berita.com.my

KAJANG: Sebanyak 24 konsesi lebuhraya akan memberi diskaun kadar tol antara lima hingga 30 peratus pada 3 dan 4 Februari ini bagi semua jenis kenderaan iaitu kelas satu hingga lima sempena Tahun Baru Cina.

Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansur, berkata pemberian diskaun itu adalah sebagai tanggungjawab korporat syarikat kon-

sesi kepada pengguna membabitkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

"Ini adalah angpau kepada semua pengguna lebuhraya sempena Tahun Baru Cina. Saya harap pendekatan pemberian insentif ini diteruskan pada musim perayaan akan datang," katanya berucap pada majlis pelancaran Kempen Keselamatan Sempena Tahun Baru Cina di Plaza Tol Kajang Selatan, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Thomas George.

Lebuhraya terbabit ialah Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Kuala Lumpur (BKE), Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (JINKEDUA).

Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Sistem Penyerai Trafik KL Barat (SPRINT), Lebuhraya SMART, Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur (AKLEH), Lebuhraya Shah Alam Kuang (GUTHRIE), Lebuhraya Kemu-

ning Shah Alam (LKSA), Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE), Lebuhraya Cheras Kajang (Grand Saga), Lebuhraya Penyerai Trafik Lingkar Kajang (SILK), Lebuhraya KL-Putrajaya (KL/P), Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara Baru (NNKSB).

Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS), Lebuhraya Karak, Lebuhraya Metramac, Lebuhraya Pantar Timur Fasa 1.

Shaziman turut menasihatkan pengguna lebuhraya supaya menggunakan jalan alternatif serta merancang jadual perjalanan bagi mengelakkan kesesakan ketika pulang ke kampung halaman pada musim perayaan kali ini.

"Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menganggarkan 2.3 juta trafik akan menggunakan PLUS pada perayaan Tahun Baru Cina. Amalkan sikap cermat, beradab, rasional, beretika dan mematuhi peraturan jalan raya," katanya.